

03 OCT 1996

Mahathir-Perpaduan

MAHATHIR ULANGI SERUAN AJAK PAS SERTAI UMNO

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi seruannya kepada pemimpin dan anggota Pas supaya mencontohi Parti Melayu Semangat 46 (S46) dengan menyertai Umno demi penyatuan umat Islam yang lebih bermakna.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada gunanya umat Islam di negara ini terus berpecah-belah sedangkan keuntungannya di kaut oleh orang lain.

"Jika kita bersatu, kita akan menjadi contoh bagi penyatuan umat Islam yang lebih besar di seluruh dunia.

"Demi kebaikan bangsa Melayu dan agama Islam, kita janganlah terlalu taksub kepada puak-puak atau parti tertentu kerana perbuatan seumpama itulah sebenarnya dipanggil fahaman assabiyah," kata beliau ketika berucap pada Perhimpunan Penyatuan Melayu anjuran bersama Umno dan S46 di sini.

Perhimpunan yang dihadiri kira-kira 50,000 orang itu merupakan pembuka tirai kepada pembubaran S46 sebelum Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah dan pengikut-pengikutnya menyertai Umno dalam beberapa hari lagi.

Kali terakhir Dr Mahathir mengajak pengikut-pengikut Pas menyertai Umno ialah ketika merasmikan sebuah pusat pelancongan di Tasik Kenyir, Terengganu dua bulan lepas.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata tidak ada sebab bagi Pas terus menolak Umno sedangkan seluruh dunia telah mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang paling berjaya sehingga telah dapat melakukan keadilan dan kesaksamaan kepada semua rakyatnya tanpa mengira bangsa dan agama.

"Orang Pas janganlah terlalu taksub kepada parti dan janganlah terus memusuhi Umno semata-mata kerana sesetengah pemimpinnya, terutama di Kelantan, berkata bahawa kita adalah musuh Pas dan kononnya Umno itu kafir," katanya.

Menurut beliau Umno sedia menerima semula pemimpin dan anggota S46 kerana tidak ada yang lebih penting dalam perjuangannya melainkan perpaduan Melayu, keagungan Islam dan kestabilan negara.

"Alangkah bahagianya jika perhimpunan bersejarah dan penuh bermakna yang kita adakan petang ini turut disertai oleh pemimpin dan anggota Pas.

"Alangkah besar manfaat dan rahmatnya yang akan dinikmati oleh orang Melayu dan umat Islam jika kita bersatu. Apalah untungnya jika kita terus bermusuhan. Lihat sajalah bagaimana perpecahan telah menyebabkan negara Afghanistan hancur kerana umat Islamnya berbunuh-bunuhan sesama sendiri," kata Dr Mahathir.

Pas mesti menerima hakikat bahawa Umno yang memerintah negara ini telah membawa kemajuan yang begitu besar sekali kepada orang Melayu dan umat Islam sehingga mendapat sanjungan banyak pemimpin negara-negara Islam yang lain dan "kita tidak lagi dipandang hina oleh orang lain", katanya.

Dalam konteks penyatuan Umno-S46, Dr Mahathir berkata Umno tidak sekali-kali memendam dendam dan tidak akan berpaling ke belakang untuk mengungkit-ungkit perkara yang telah berlaku (yang membawa kepada perpecahan Umno dan penubuhan S46).

"Kita boleh rujuk semula kerana Islam menegah kita daripada terus mengungkit kesalahan masa lampau yang tercetus kerana perbezaan pendapat dan mahu umatnya bermaaf-maafan."

Secara berjenaka, Dr Mahathir berkata beliau dan Tengku Razaleigh dulu "bertumbuk" lalu bermusuhan selama beberapa tahun. Bagaimanapun, atas keinsafan dan semangat perpaduan yang tinggi, beliau kini mampu

berbaik-baik semula dengan bekas Menteri Kewangan itu.

"Siapa juga yang ikhlas untuk bersatu dengan kita dan sanggup menerima dasar perjuangan Umno pasti kita terima, dan dalam hal ini S46 telah menyatakan keinginannya untuk kembali kepada Umno dan kita menerima mereka dengan rela hati," kata Dr Mahathir.

Katanya beliau dulupun pernah disingkir daripada Umno tetapi "Alhamdulillah Umno telah menerima saya semula...kalau tidak masakan saya dapat jadi Perdana Menteri".

Dr Mahathir berkata keghairahan Umno mengusahakan penyatuan orang Melayu tidak sekali-kali bermaksud untuk mengancam atau menindas kaum lain di negara ini.

"Bahkan perpaduan dan penyatuan orang Melayu adalah asas terpenting kepada keutuhan, kestabilan dan kemajuan negara," kata beliau sambil memberi jaminan bahawa Umno yang menerajui pemerintahan negara akan terus bersikap adil kepada rakyat berbilang kaum. -- BERNAMA

AM MAI